

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Inovasi Sosial @UMT fokus pembangunan komuniti	Berita Harian

Inovasi Sosial@UMT fokus pembangunan komuniti



Oleh Prof Dato' Dr
Nor Aieni Mokhtar
bhvarsiti@bh.com.my
Kuala Terengganu

Takrifan inovasi sosial merupakan idea baharu bagi memenuhi keperluan sosial dan mewujudkan hubungan yang berkesan serta kerjasama melibatkan semua pihak tidak kira pemerintah negara, swasta, masyarakat awam mahupun ekonomi (Grisolia dan Ferragina, 2015).

Ini membabitkan pembentukan strategi baharu dan konsep yang memenuhi keperluan sosioekonomi masyarakat atau dunia, secara amnya. Sejak beberapa tahun lalu, kerajaan sudah melakukan pelbagai inisiatif dengan matlamat mensejahterakan rakyat secara holistik melalui konsep strategi lautan biru kebangsaan (NBOS).

Inisiatif itu diperkenalkan rentetan pelaksanaan pelbagai projek sebelumnya yang tidak mencapai sasaran ke akar umbi disebabkan pelbagai faktor, antaranya ketiadaan perkongsian nilai antara agensi pelaksana.

Sehubungan itu, konsep inovasi sosial ini perlu diterapkan oleh semua pihak, terutama di universiti yang ada kepakaran, kemahiran dan mampu melaksanakan pelbagai penyelidikan agar dapat diterjemahkan kepada komuniti setempat melalui proses pemindahan ilmu secara berterusan dan dalam jangka masa panjang.

Namun, sejauh manakah pembabitkan pihak penyelidik di universiti dalam usaha menghayati konsep inovasi sosial dan menterjemahkannya kepada output berimpak tinggi kepada komuniti?

Dalam iltizam dan keinginan menjayakan wawasan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk membangunkan komuniti, strategi pemeraksanaan inovasi sosial dijadikan satu fokus utama UMT.

Pemindahan ilmu
Hasil penyelidikan dijalankan pada peringkat universiti dikembangkan dan dibangunkan menjadi satu



Antara warga komuniti yang terlibat dalam program pemindahan ilmu dan inovasi sosial di UMT.

aktiviti inovasi sosial yang dapat dimanfaatkan kepada pelbagai lapisan masyarakat di dalam negara. Dengan kata lain, inovasi sosial merupakan penghubung antara teori dan praktikal.

Proses pemindahan ilmu dalam bentuk ini dilaksanakan secara berterusan dan dalam jangka masa panjang agar impak diinginkan dapat dirasai dan diterjemahkan sehingga komuniti mampu membina empowerment dan daya saing sendiri.

Bertepatan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang memperkenalkan pelbagai dana pemindahan ilmu supaya penyelidikan di universiti memenuhi keperluan masyarakat, UMT mengorak langkah bersama universiti awam (UA) lain membantu memperkasa komuniti, khususnya komuniti B40 yang menjadi fokus utama kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) dan RMKe-11.

Ini selari hasrat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang turut melancarkan 'MOSTI Inovasi Sosial' pada 16 April 2015. Pihak UMT berpeluang memfokuskan kepada inovasi sosial dalam pemindahan ilmu.

Pada Hari Inovasi@UMT 2015, UMT melancarkan logo Inovasi Sosial@UMT sebagai jenama baharu bagi program dan projek pemindahan ilmu membabitkan pembangunan komuniti.

Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri (PPIJI) yang juga satu daripada

Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah UMT, sudah mengambil peranan dan komited memperkenalkan projek inovasi sosial secara terancang serta berfokus untuk jangka masa panjang kepada komuniti tempatan. Pelaksanaan projek ini diharap bakal memberi impak dalam peningkatan keupayaan, kemahiran dan sosioekonomi komuniti.

Sejak 2013, sejumlah RM5.4 juta dana diperoleh hasil pembiayaan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi swasta, dan dimanfaatkan bagi penjurangan lebih 100 program dan projek di bawah Inovasi Sosial@UMT, khususnya komuniti B40 di pesisir pantai.

Penerima manfaat setiap program dan projek dilaksanakan mencecah ribuan orang terdiri daripada pelajar sekolah, suri rumah, belia dan golongan kelainan upaya serta komuniti bermasalah.

Program yang disarankan ini meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial.

Ubah nasib keluarga

UMT komited dalam program dan projek pemindahan ilmu berbentuk kemahiran teknikal serta bimbingan nasihat untuk peniagaan dan prestasi program.

Lebih 50 tenaga pakar UMT terlibat dalam program dan projek pemindahan ilmu kepada ahli isi rumah komuniti B40 yang berbentuk aktiviti penjaan

pendapatan sampingan. Mereka akan diberi latihan keusahawanan, latihan kemahiran teknikal tertentu dan bantuan pelabelan produk serta pemasaran secara atas talian menggunakan media sosial.

Antara aktiviti penjaan pendapatan sampingan dan kemahiran teknikal yang memberi impak positif kepada ahli isi rumah komuniti B40 adalah program dan projek ternakan integrasi akuakultur serta produk makanan, iaitu Donat Labu dan Sos Lokan.

Program dan projek itu berjaya mewujudkan pekerjaan dan menjana pendapatan sampingan kepada suri rumah dan belia komuniti B40 yang menganggur. Projek ternakan akuakultur terbukti berjaya menjana pendapatan sampingan menjangkau sekitar RM2,000 hingga RM9,000 sebulan.

Selain itu melalui dana UCTC, program Inovasi Sosial@UMT dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan Setiu di Rhu 10 Setiu, komuniti B40 pesisir pantai ini telah terlibat dengan aktiviti penjaan pendapatan melalui program Ternakan Kelulut bagi penjualan madu lebah kelulut. Hasil daripada program ini, komuniti itu B40 pesisir pantai berjaya menjana pendapatan tambahan sekitar RM1,000 sebulan.

Bagi anak-anak komuniti B40 yang bersekolah, program dilaksanakan adalah lebih kepada meminimumkan keciciran dalam kalangan ahli isi rumah, kecenderungan

dan minat kepada sains, meningkatkan kecemerlangan akademik serta membentuk sahsiah dan mengubah pemikiran bahawa pendidikan tinggi mampu mengubah nasib keluarga.

Tingkatkan kualiti hidup

Antara projek memberi impak besar kepada komuniti adalah program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) UMT, Kem Bahasa Inggeris serta Kem Kecemerlangan Akademik. Hasil program ini mencungkil minat anak-anak komuniti B40 kepada sains, di samping peningkatan pencapaian akademik pelajar.

Pendedahan itu juga membolehkan pelajar berani berbahasa Inggeris dan impak terbesar adalah peningkatan Gred Purata Murid melebihi 80 peratus. Impak program dilaksanakan bukan saja membantu meningkatkan kualiti hidup komuniti melalui pendidikan lebih baik, malah membabitkan kemahiran teknikal serta kemahiran keusahawanan yang menjadi aset kepada komuniti bagi menambah pendapatan isi rumah yang seterusnya mampu membawa mereka keluar daripada kancas kemiskinan.

Walaupun fokus sebenar projek inovasi sosial adalah penjaan pendapatan bagi jangka masa panjang, aktiviti melalui proses pemindahan ilmu dilaksanakan bawah program Inovasi Sosial@UMT juga sebenarnya mampu membantu komuniti meningkatkan ilmu dari segi pengurusan kewangan, peningkatan motivasi diri, malah memberi impak dalam mengurangkan kos sara hidup.

Sehubungan itu, penambahbaikan program dan projek yang dilaksanakan bukan saja memberi manfaat kepada masyarakat, tetapi juga meningkatkan keupayaan jati diri individu melalui kerjasama pelbagai pihak dalam ekosistem inovasi. Kejayaan sesebuah program inovasi sosial adalah menyaksikan pembabitkan kerjasama erat rami pihak, iaitu individu, komuniti, kerajaan, pertubuhan dan syarikat swasta.

info

Dana pemindahan ilmu KPT

→ **Bermatlamat** supaya penyelidikan di universiti memenuhi keperluan masyarakat
→ **Antaranya** dana program pemindahan ilmu (KTP), dana pusat transformasi universiti-komuniti (UCTC) dan dana penyelidikan jaringan awam-swasta (PPRN)

Inovasi Sosial@UMT

→ **Program** dan projek berasaskan tiga konsep utama iaitu keterlibatan komuniti, menjaga nilai warisan dan menerapkan nilai kesepunyaan.
→ **UMT** lancar makmal komuniti di Tanah Bencah Setiu, pertama seumpamanya di Pantai Timur.
→ **UMT** menjadikan pembabitkan komuniti sebagai satu teras untuk membantu golongan B40, seperti komuniti pesisir pantai, ibu tunggal, asnaf zakat, pemandu teksi dan komuniti setempat lain.
→ **Antara** aktiviti dianjurkan bakti siswa, gotong-royong, bengkel, seminar, karnival dan kem kecemerlangan yang melebihi 40 projek sepanjang tahun lalu.